



UNIMAS idam status Tier 5

Kota Samarahan: Taraf Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) akan terus dipertingkatkan melalui pelbagai strategi bagi menjadikannya sebagai universiti terulung di rantau ini.

Universiti yang kini menduduki tangga 181 dari 500 universiti di Asia, merancang mencapai status Tier 5 di dalam Sistem Penarafan Institusi Pengajian Tinggi (SETARA) bagi membolehkannya berdiri sama tinggi dengan institut pengajian tinggi lain.

Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Kadim Suadi (*gambar*) berkata, beliau akan berkongsi aspirasi dan membawa perubahan baru bagi menjadikan UNIMAS salah satu universiti terunggul di Malaysia.

“Saya ingin melihat wujudnya komitmen jitu di kalangan staf UNIMAS dalam usaha mencapai visi, misi dan matlamat menjadi salah sebuah universiti terbaik di rantau ini.

“Perubahan terbesar yang perlu diberi tumpuan ialah aspirasi menjadikan universiti ini sebagai sebuah Universiti Penyelidikan menjelang 2015 dengan Kementerian Pendidikan sedang melakukan semakan lanjut,” katanya ketika berucap pada Amanat Tahunan Naib Canselor UNIMAS, di sini, semalam.